

**DEWAN RAKYAT**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) apakah langkah yang diambil terhadap NGO Sisters In Islam daripada terus menyebarkan ideologi liberalisme dan pluralisme agama yang sudah difatwakan sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor ; dan
- b) adakah Kerajaan akan menyalurkan bantuan dan dana kepada NGO yang mempromosi ideologi liberalisme.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil serius terhadap ajaran-ajaran yang menyelewang dari aspek akidah dan syariah. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan supaya ideologi liberalisme dan pluralisme agama tidak disebarkan secara meluas dalam kalangan masyarakat adalah melalui nasihat dan pandangan hukum yang dikeluarkan oleh

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74, yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 yang memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa urusan mengeluarkan, mewarta dan menguatkuasakan fatwa di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Negeri melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri. Namun sebagai entiti penyelarasan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Muzakarah Kebangsaan) berperanan memberi pandangan dan memutuskan sesuatu berkaitan hukum, apa-apa garis panduan melibatkan isu agama, perkara yang menyalahi akidah atau syariah dan sebagainya. Namun perlu dipertegaskan bahawa keputusan tersebut bukanlah satu fatwa selagi ia tidak difatwa atau diwartakan di peringkat negeri.

Kerajaan akan sentiasa memberi penerangan kepada masyarakat berkenaan bahaya penyelewengan akidah dan syariah melalui siri penjelasan dalam seminar dan forum yang dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.

- b) Kerajaan melalui JAKIM tidak pernah menyalurkan bantuan dan dana kepada mana-mana NGO yang didapati mempromosi ideologi liberalisme yang bertentangan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Sekian, terima kasih.